

Ruj. : MBOT.600-2/3/1 JLD.3 (7)

Tarikh : 15 Oktober 2025

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

Tuan/Puan,

MAKLUMAN PENANGGUNGAN KOS PERJALANAN OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI BAGI PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Adalah dimaklumkan, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah menambah baik struktur dan kadar fi bagi penilaian akreditasi program teknologi dan teknikal yang telah digunapakai sejak tahun 2017.

3. Bermula **1 Januari 2026** kadar fi penilaian bagi jenis akreditasi yang dijalankan oleh MBOT akan dikekalkan. Walaubagaimanapun, kos perjalanan panel penilai dan sekretariat MBOT bagi semua jenis penilaian akreditasi yang dijalankan secara fizikal perlu ditanggung oleh pihak pemberi pendidikan tinggi. Bersama-sama ini disertakan Kadar Bayaran Perjalanan untuk rujukan pihak pemberi pendidikan tinggi.

4. Sekiranya pihak tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan perkara ini, sila berhubung dengan YM Raja Syariz Zafian bin Raja Sulaiman di talian 03 8800 6210 atau melalui emel: r.syariz@mbot.org.my. Segala kerjasama dan perhatian oleh pihak tuan/puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. MD FAUZI BIN MD ISMAIL)

Pendaftar

Lembaga Teknologis Malaysia

KADAR BAYARAN PERJALANAN**i. Kadar Bayaran Perjalanan Dengan Kenderaan Sendiri**

Jarak	Kadar
500 km pertama	85 sen/km
501 km dan selebihnya	75 sen/km
Tol	Kadar sebenar
Pengangkutan Lain	Kadar sebenar

ii. Kadar Bayaran Perjalanan Dengan Kapal Terbang

Kerajaan	Kelas Penerbangan
Gred 14 dan ke atas (Sektor Awam)	Perniagaan
Gred 13 dan ke bawah (Sektor Awam)	Ekonomi
Sektor Swasta	Ekonomi